

Tiada menteri Kabinet baharu dilantik’

Kuala Lumpur: Tun Dr Mahathir Mohamad mengesahkan tiada menteri Kabinet baharu yang akan dilantik dalam tempoh pentadbirannya, walaupun ada menteri dikritik kerana prestasi mereka tidak memuaskan.

Bercakap dalam program wawancara stesen radio BFM semalam, Perdana Menteri berkata, tindakan membawa masuk muka baharu pada masa ini tidak akan

memperbaiki keadaan.

“Jika saya ubah menteri dan lantik menteri baharu, calon yang saya ada semua muka baharu, sedangkan menteri Kabinet sekarang sudah ada setahun pengalaman. Jika lantik menteri baharu, saya akan berdepan masalah untuk memastikan beliau dapat menyesuaikan diri dengan jawatan itu.

“Kemungkinan beliau juga ti-

dak akan memberikan prestasi baik. Menteri baharu tidak semestinya menteri yang bagus, kita pernah ada perdana menteri yang kita sangka bagus, namun beliau tidak sebagus yang disangka,” katanya.

Perdana Menteri ditanya sama beliau akan menggantikan menteri Kabinet termasuk Menteri Pendidikan, Dr Maszlee Malik yang dikritik kerana dikatakan gagal menjalankan tugas dengan baik.

Tanpa menyebut sebarang nama, Dr Mahathir berkata, pengganti beliau kemungkinan besar akan mewujudkan barisan Kabinetnya sendiri.

“Perdana Menteri seterusnya mungkin mempunyai Kabinet sendiri. Apabila anda merombak Kabinet, ia mewujudkan masalah dan tidak menyelesaikan masalah. Ia mewujudkan lebih banyak masalah. Itulah sebabnya saya tidak berminat menyelesaikan masalah dengan menukar orang.

“Saya mengubah orang sebelum ini. Saya mengundurkan diri dan kemudian saya diminta kembali,” katanya.

Menyentuh tarikh pengundurannya sebagai Perdana Menteri, Dr Mahathir berkata, beliau akan menunaikan janjinya, tetapi pada masa sama perlu memastikan Malaysia pulih sebelum menyerahkan kuasa.

“Saya berjanji akan menjadi Perdana Menteri sementara. Saya akan melakukannya, saya akan

tunaikan janji saya,” katanya sambil menambah penempatan tempoh masa khusus akan menyukarkan beliau mencapai matlamat.

Mengulas perkara lain, Dr Mahathir mengakui rakan lama dan sekutunya, Tun Daim Zainuddin, sebagai individu yang sangat berpengaruh.

Bagaimanapun, Perdana Menteri berkata, peranan Daim sebagai penasihat dan perunding kerajaan adalah kerana kebijaksanaanannya dalam bidang perniagaan dan politik.

“Beliau mempunyai pengaruh, memandangkan beliau seorang perunding. Kita perlukan penasihat orang yang memiliki pengetahuan tertentu dan beliau memiliki pengetahuan mengenai perniagaan serta politik dengan

pengalaman luas.

“Apabila kita membayar RM1 trilion hutang kerajaan, kepakarannya amat diperlukan. Selain itu, beliau sudah pergi banyak tempat dan bertemu ramai orang dari dalam dan luar negara, beliau boleh menilai kualiti individu yang patut kita lantik,” katanya.

Dr Mahathir juga menolak tanggapan pihak tertentu mengenai hubungan rapatnya dengan tokoh korporat tertentu, termasuk Tan Sri Syed Mokhtar Al-Bukhary.

Perdana Menteri berkata, beliau bertemu ramai orang dan mereka bukan semuanya pembodek.

“Bukan setakat Syed Mokhtar Al-Bukhary ramai orang jumpa saya. Mereka bercakap dengan saya dan kritik saya, bukan orang Melayu saja, malah ada orang Cina dan India juga,” katanya.

